

SEMARAK MERDEKA NRES 2024

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah turut serta meraikan program Semarak Merdeka NRES sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 bertempat di Pekarangan Wisma Persekutuan Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Dalam ucapan perasmianya, beliau menyeru agar kita semua sentiasa bersyukur dengan perpaduan dalam kepelbagaian di negara ini dan elakkan daripada melakukan perkara-perkara yang boleh memecah belahkan perpaduan tanah air tercinta.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan bersempena majlis ini dengan dimulai acara senamrobiik diikuti persembahan lagu patriotik, pertandingan pakaian bertemakan patriotik, deklamasi sajak patriotik dan pertandingan kenderaan berhias daripada Jabatan serta agensi di bawah NRES.

Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Puan Norsham binti Abdul Latip, Ketua Pengarah JKPTG YBhg. Datuk Mohd Azmi bin Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) PERHILITAN, YBhg. Dato' Fakhrul Hatta bin Musa dan Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Tuan Haji Mohd Azman bin Haji Mohd Ariffin serta Pengurusan Tertinggi Kementerian dan jabatan/agensi.

INSTUN telah turut sama meraikan majlis ini dengan mengikuti pertandingan kenderaan berhias dengan mempertaruh kereta kebal dan beca. Keputusan pertandingan akan diumumkan pada Majlis Penutup Merdeka yang dijangka akan diadakan pada 2 September 2024.

#INSTUN

#NRES

#MalaysiaMADANIJiwaMerdeka











